



**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH**

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI

**PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI PENGURUSAN PELAJAR
KALI KE-214 BIL. 21/2026**

**PELAKSANAAN INISIATIF PENJIMATAN BERKAITAN PEROLEHAN
BAJU T-SHIRT PROGRAM PELAJAR**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas serta merujuk kepada pelaksanaan inisiatif penjimatan universiti selaras dengan arahan kawalan perbelanjaan semasa.

Sehubungan itu, pihak universiti melaksanakan kawalan perbelanjaan secara khusus terhadap perolehan baju T-shirt bagi program pelajar. Pelaksanaan ini bertujuan memastikan pengurusan kewangan dilaksanakan secara berhemah, cekap serta mengelakkan perbelanjaan tidak kritikal.

Sehubungan dengan itu, semua Badan Pelajar adalah DIKEHENDAKI untuk mengambil perhatian dan mematuhi ketetapan berikut:

- a) Bagi tahun 2026, perolehan baju T-shirt menggunakan peruntukan universiti **HANYA DIBENARKAN** untuk program berikut:
 - i. SUKFAC
 - ii. Program dibawah Postgraduate Association (PGA)
- b) Bagi kelab, persatuan atau program pelajar lain, perolehan baju T-shirt menggunakan peruntukan universiti adalah **TIDAK DIBENARKAN**;
- c) Walau bagaimanapun, pembelian baju T-shirt adalah dibenarkan sekiranya:
 - i. menggunakan sumber tajaan luar sepenuhnya; dan
 - ii. tidak melibatkan sebarang tuntutan kewangan kepada universiti;
- d) Semua permohonan perolehan hendaklah mematuhi garis panduan kewangan universiti yang berkuat kuasa serta tertakluk kepada kelulusan pihak berkuasa yang berkaitan;
- e) Sebarang permohonan yang tidak selaras dengan ketetapan ini tidak akan dipertimbangkan untuk kelulusan dan boleh menjejaskan pertimbangan permohonan pada masa akan datang.

Kerjasama dan pematuhan semua Badan Pelajar terhadap pelaksanaan inisiatif penjimatan ini amatlah diharapkan bagi memastikan pengurusan kewangan universiti dilaksanakan secara berhemah dan berintegriti.

Sekian untuk makluman dan tindakan pelajar. Terima kasih.

Dikeluarkan oleh:

Akademi ADAB

Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah
Tarikh: 26 Mei 2026